

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 MAC 2024

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/03/1223825/perjanjian-zon-ekonomi-khas-johor-singapura-dimeterai-akhir-tahun>

Perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dimeterai akhir tahun



Perjanjian itu akan ditandatangani oleh perdana menteri kedua-dua negara semasa sesi retreat. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Perjanjian Bersama Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) di antara Malaysia dengan Singapura dijangka ditandatangani akhir tahun ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata perjanjian itu akan ditandatangani oleh perdana menteri kedua-dua negara semasa Sesi Retreat Pemimpin-Pemimpin Malaysia-Singapura ke-11 akhir tahun ini.

"Perjanjian bersama itu akan memperinci kerjasama yang dipersetujui oleh kedua-dua negara bagi pembangunan JS-SEZ, termasuk sektor yang akan diberi tumpuan, lokasi serta insentif yang akan ditawarkan," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman Parlimen semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) yang ingin tahu mengenai perkembangan terkini, hala tuju dan garis masa pelaksanaan JS-SEZ.

Rafizi berkata, pada masa ini, kerajaan negeri Johor sedang melaksanakan kajian JS-SEZ dan sudah mengemuka laporan interim kajian kepada Kementerian Ekonomi pada 29 Januari lalu.

Katanya, satu mesyuarat penyelarasan JS-SEZ yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diadakan pada 28 Februari lalu bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas kementerian dan agensi Persekutuan, sebelum dibincangkan dengan Singapura.

Pada 11 Januari lalu, Anwar dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong pada Khamis, menyaksikan Majlis Penerimaan Memorandum Persefahaman (MoU) JS-SEZ di antara Malaysia dengan Singapura.

Memorandum berkenaan ditandatangani Rafizi serta Menteri Perdagangan dan Perusahaan Singapura, Gan Kim Yong.

Perjanjian itu akan memperkukuh lagi hubungan baik di antara Johor dan Singapura untuk kemakmuran dan kemajuan kedua-dua pihak.

Idea penubuhan zon itu pertama kali dicetuskan Rafizi selepas pertemuan dengan kerajaan Johor di Iskandar Puteri pada Mei tahun lalu.

Dua bulan selepas itu, kedua-dua negara bersetuju mengorak langkah lebih jauh dengan menubuhkan pasukan petugas khas untuk mengkaji daya maju penubuhan zon ekonomi khas berkenaan.

Pada September lalu, Menteri Besar Johor, Onn Hafiz Ghazi, berkata penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura itu akan mengambil contoh usaha pembangunan Zon Ekonomi Shenzhen yang berupaya merekodkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah RM1.93 trilion pada 2021.